

# Qalam

Bilangan 44 - Mac 1954 - Jamadil Akhir 1373 - 60 sen

## Mustahak diperhati oleh orang-orang Islam

Hal ehwal yang berlaku di Indochina sekarang adalah sangat patut diperhati oleh umat Islam di Malaya. Kejadian-kejadian yang berlaku di Indochina hari ini adalah dijadikan peluang oleh lain-lain bangsa untuk mendapatkan kehendak dan kemahuan mereka kerana “tidakkah sekali air pasang, dua tiga tepian beralih.”

Kita melihat bahawa peluang itulah yang direbut oleh mereka kerana keadaan-keadaan di luar, terutamanya atas negeri yang berjiran dengan tanah air kita ini! Peluang yang sedemikian inilah yang dicari oleh mereka sehingga dengannya apabila ada sesuatu tuntutan yang keras didatangkan kerajaan terpaksa melayan kehendak-kehendak itu kerana sekiranya kehendak-kehendak yang demikian itu tidak dilayan harus pula mereka akan membuat haru biru yang berkesudahan merosak kepada keamanan dan kesejahteraan negeri itu.

Begitulah mereka mengambil peluang baik di dalam tiap-tiap sesuatu kejadian sehingga dengannya hak-hak kita yang dahulunya diiktiraf dengan kerana desakan-desakan itu kemudian tidak dipandang lagi terutamanya apabila mereka mengetahui kelemahan kedudukan kita di dalam memperjuangkan hak-hak mutlak kita.

Bagi kita orang-orang Islam khasnya pertubuhan-pertubuhan Islam yang ada sekarang tidak sedikit pun nampaknya ada memerhatikan hal-hal yang tersebut. Tidak ada sesuatu gerak yang kuat yang bekerja untuk menyatukan kedudukan itu bahkan harus kita tidak menampak apa ertinya perubahan-perubahan itu kepada kedudukan Islam di Tanah Melayu ini!

Kita mesti memerhatikan sekiranya tidak ada campuran kita kepada kedudukan-kedudukan siyash di dalam negeri kita ini maka harus kedudukan orang-orang Islam di Tanah Melayu akan jadi seperti kedudukan orang-orang Islam di Singapura -tidak ada mempunyai kuat kuasanya untuk mengurus hal-hal mereka bahkan hendak mengadakan mahkamah untuk menyelenggarakan hal ehwal mereka sendiri pun tidak dapat.

Mengingat kepada keadaan-keadaan yang tersebut maka kita berasa wajib menyeru kepada umat Islam supaya bersatu di dalam persatuan Islam dan bagi pertubuhan-pertubuhan yang ada mustahak benar, sebagaimana yang sentiasa kita seru, supaya mengadakan disiplin yang dengannya menarik kepercayaan umat kerana kita yakin bahawa umat Islam yang duduk di luar daripada pertubuhan-pertubuhan yang ada sekarang masih syak bahawa pertubuhan-pertubuhan Islam yang serupa itu boleh digunakan atau dijadikan perkakas oleh orang untuk faedah di luar daripada faedah orang-orang Islam.

Mudah-mudahan pemimpin-pemimpin Islam dapat memerhati apa bahaya yang akan dan sedang kita hadapi sekarang sekiranya kita tidak mengendahkan hal ehwal di sekeliling kita. Insafilah sebelum keadaan menjadi bubur, yang lebih sukar kita menghadapinya.

-----

Seorang jahil dengan cara yang menghina bertanya kepada seorang alim: Bagaimana Tuhan boleh menyeksa iblis dalam api neraka pada hal iblis itu dijadikan daripada api juga?

Orang alim itu tidak menjawab apa-apa – ia hanya melemparkan segenggam tanah yang keras kepada kepala Si Jahil itu sehingga berdarah. Si Jahil itu mengadu kepada hakim. Hakim bertanya: Mengapa engkau lempar kepalanya?

Orang alim menjawab: Saya mahu bertanya kepadanya: Bagaimanakah tanah boleh menyakitkannya pada hal ia dijadikan oleh Allah daripada tanah juga?